



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



JABATAN
PENDAFTAR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YBrs. Prof/Dr./Tuan/puan,

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL 70/2017 : JEMPUTAN MENGHADIRI MAJLIS AMANAT YB MENTERI
PENDIDIKAN TINGGI (11 JANUARI 2018)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Surat Edaran Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 30 November 2017 (KPT.100-15/1/4 jld.2 (42) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato'Seri Idris Jusoh, akan menyampaikan amanat beliau dalam **Majlis Amanat Tahun Baharu pada Khamis, 11 Januari 2018 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).**

3. Sehubungan dengan ini, dengan penuh takzim pihak Universiti menjemput pihak YBrs. Prof/Dr./Tuan/puan bersama 2 orang staf akademik untuk turut serta menghadiri Majlis Amanat YB Menteri Pendidikan Tinggi Tahun Baharu 2018. Walaubagaimanapun, segala perbelanjaan kos perjalanan staf tersebut adalah dibawah tanggungan Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.

4. Bersama-sama ini dilampirkan jadual program untuk rujukan pihak YBrs. Prof/Dr./Tuan/puan. Sukacita sekiranya pihak YBrs. Prof/Dr./Tuan/puan dapat mengembalikan senarai kehadiran staf akademik kepada Pejabat Pendaftar melalui emel farhana@usm.my atau ana@usm.my selewatnya pada **29 Disember 2017**. Kerjasama dan perhatian dalam hal ini amat dihargai kearah melonjakkan agenda Pendidikan Tinggi Negara.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Memastikan Kelestarian Hari Esok’**

PROFESOR DATO' DR. ABD. AZIZ TAJUDDIN
Pendaftar

Jabatan Pendaftar